

Newspaper	Harakah
Date	14 February 2016

Bebaskan Malaysia daripada PM berprestasi buruk

Harakah - 14/2/2016

KUALA LUMPUR: Malaysia mesti dibebaskan daripada seorang Perdana Menteri yang berprestasi buruk sekiranya ingin meraih semula reputasinya, tegas bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad.

Katanya, kegagalan tersebut memerlukan Perdana Menteri, Dato' Seri Najib Razak dan semua yang telah membantu menutupi kesalahan tersebut dan salahkan kuasa untuk menyelamatkan Najib meletakkan jawatan.

Beliau berkata demikian dalam tulisan di blognya, chedet.cc pada 5 Februari lalu.

Katanya lagi, untuk member-sihkan nama baik Malaysia dan beliau sendiri, Najib mesti membuktikan di luar bayangan keraguan bahawa dia tidak bersalah terhadap semua pertuduhan ini.

Terdahulu dalam tulisannya,

Mahathir menyatakan, tidak berapa lama dahulu apabila Malaysia dikagumi kerana kejayaan meningkatkan dirinya daripada sebuah negara dunia ketiga yang miskin menjadi sebuah negara industri baharu yang stabil, tiada siapa meragui bahawa ia akan mengumumkan hasratnya untuk menjadi sebuah negara maju menjelang tahun 2020 akan tercapai.

"Tetapi hari ini apabila kita pergi ke luar negara, kita akan disoal 'Apa yang berlaku kepada negara anda?' Ada yang mengatakan iMDB dan unsur korup di dalam kerajaan penyebab kehilangan berbilion-bilion dollar. Ramai yang memberi komen tentang gaya hidup mewah Perdana Menteri.

"Mereka bertanyakan soalan sebegini kerana suratkhabar-

suratkhabar asing yang bereputasi tinggi telah menerbitkan cerita-cerita tentang iMDB, tentang berbilion dolar wang untuk kegunaan PM sendiri, tentang jumlah wang yang besar di dalam akaun peribadinya dan tentang gaya hidup mewah beliau. Tidak ada Perdana Menteri Malaysia mampu mengadakan majlis perkahwinan besar-besaran seperti yang dilakukan untuk anak perempuannya,"katanya.

Katanya lagi, walaupun rakyat Malaysia membaca hanya perkara-perkara yang baik mengenai Najib di dalam media tempatan, tetapi media alternatif tidak menyembunyikan perkataan apabila menyuarakan rasa meluat mereka dengan Najib dan pengampu yang melindunginya.

Tambahnya apabila *Wall Street Journal* melaporkan Perdana Men-

teri mempunyai RM 2.6 bilion dalam akuan peribadinya di Am-Bank, dunia mentertawakan Najib kerana mendakwa ini adalah derma yang diberi orang Arab.

"Kemudiannya ada pula kisah pembelian kapal selam dari syarikat Perancis. Kini dihadapkan di mahkamah Perancis. Razak Baginda, rakan karib Najib, dan syarikat-syarikat yang dimiliki beliau telah dinamakan dalam kes mahkamah.

"Razak tidak punya kuasa untuk membuat keputusan mengenai pembelian Kerajaan. Tetapi Najib sebagai Menteri Pertahanan telah melakukannya. Apa pun, sekiranya Razak atau syarikatnya menerima wang dari pembuat kapal selam, dia harus ditahan di hadapan mahkamah Perancis.

"Peguam Negara Malaysia pasti tidak akan mendakwa Razak



Dr Mahathir Mohamad

kerana ia mungkin membawa kepada perkaitan nama Najib. Peguam Negara telahpun bukan sahaja menolak bahkan menyembunyi laporan oleh Bank Negara dan SPRM,"katanya.

Tegasnya, semua isu yang berlaku menyebabkan nama Malaysia menjadi buruk dan rakyat Malaysia secara umumnya berasa malu dengan perkara-perkara seperti itu.